



## مجلس باندراي ملاك برسجاره

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod dan bidang pendaftaran yang berkaitan** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<b>MBMB/SH/2023/54</b>  <b>PERKHIDMATAN KUTIPAN DAN PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI DUN DUYONG, DUN BUKIT KATIL DAN DUN PENGKALAN BATU, MELAKA BAGI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b>  <b>TARIKH KELULUSAN : 11/5/2023</b>  <b>NO. FAIL JABATAN : MBMBJL.400-10/2/279</b>	<b><u>KEMENTERIAN KEWANGAN</u></b>  221002 – Membersih Kawasan  dan  221003 - Mengangkat Sampah	<b><u>HARGA</u></b>  RM10.00 * Tidak akan dikembalikan  <b><u>TARIKH</u></b>  11 Mei 2023 (Khamis) sehingga 18 Mei 2023 (Khamis)	TIADA	<b><u>TARIKH</u></b>  18 Mei 2023 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari  Serahan tangan : Peti Tawaran Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **11 Mei 2023 (Khamis) sehingga 18 Mei 2023 (Khamis)**

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

**DATUK BANDAR**

**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PL  
Ketua Audit Dalam